



# "SNR : SND"

by Reezo\_Project24

Secara asasnya **SNR** dan **SND** merujuk kepada kawasan atau tempat yang sama tapi dari sudut pandangan berbeza

Dari segi teknikal dalam pembacaan chart ia dipanggil Support dan juga Resistance , Manakala dalam konteks perniagaan ia di panggil Supply dan Demand

## **SNR**

SNR adalah singkatan kepada Support & Resistance

### **Support**

Kawasan yang menghalang price turun lebih rendah . Disini terletaknya harga terendah di pasaran semasa

### **Resistance**

Kawasan yang menghalang price naik lebih tinggi . Disini terletaknya harga tertinggi di pasaran semasa

## **SND**


SND adalah singkatan kepada Supply & Demand

### **Supply**


Kawasan yang mendorong Pembekal (supply) untuk menjual pada harga siling (tertinggi) di pasaran semasa

### **Demand**

Kawasan yang mendapat permintaan (demand) tinggi dari pembeli untuk menbeli pada harga lantai (terendah) di pasaran semasa




Secara umumnya disetiap shadow atas dan bawah pada setiap candle terdapat support dan resistance tetapi bukan semua SNR boleh diambil kira untuk melakukan entry



Terdapat 4 jenis SNR perlu diketahui

1. Support
2. Resistance
3. Support become Resistance (SBR)
4. Resistance become Support (RBS)



## **Apakah yang mendorong kenaikan atau penurunan harga?**

Untuk menjawab persoalan ini kita perlu melihat dari sudut SND iaitu Supply & Demand

Dalam perniagaan , harga ditentukan bergantung pada permintaan . Jika ada permintaan bermakna akan ada peluang untuk transaksi urusniaga berlaku

### **SUPPLY VS DEMAND**

Lebih banyak **Permintaan (Demand)** akan menyebabkan harga meningkat  
Lebih banyak **Bekalan (Supply)** akan menyebabkan harga menurun

Saya mengambil contoh dari harga emas iaitu **XAU/USD**

**XAU** mewakili 1 ounce emas

**USD** mewakili US Dollar

Untuk setiap instrumen dalam forex , Unit yang berada di hadapan adalah host

Jadi , untuk pair **XAUUSD** adalah mewakili 1 ounce Emas = ? USD

Ketika nota ini ditulis harga semasa bagi XAUUSD adalah 2338\$

Ini bermakna 1 ounce Emas bersamaan 2338 US Dollar

### **Rumusannya**

Setiap demand yang berlaku adalah dalam bentuk pembelian Emas menggunakan nilai USD

Manakala setiap pergerakan dari supply zone adalah melibatkan jualan Emas untuk mendapatkan USD